

12 OCT 2000

AMF-TENTANGAN

ASIA MESTI TUBUHKAN AMF WALAUPUN ADA TENTANGAN HEBAT

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

BERLIN, 12 Okt (Bernama) -- Jepun, bersama Malaysia dan negara-negara lain, mesti menyegerakan penubuhan Tabung Matawang Asia (AMF) kerana masanya telah tiba bagi ekonomi-ekonomi serantau membantu diri mereka sendiri biar apa kata orang lain.

Ini adalah kerana jika pandangan oleh pegawai-pegawai kementerian kewangan Jerman berasas, Kesatuan Eropah (EU), seperti Tabung Matawang Antarabangsa (IMF), amat menentang cadangan menubuhkan Tabung Kewangan Asia.

Dr Axel Nawrat, Ketua Jabatan Kewangan dan Hubungan Matawang Antarabangsa di Jerman, berkata tabung yang diterajui oleh Asia tidak akan berjaya kerana ia tidak mampu melakukannya.

Beliau berhujah bahawa jika AMF wujud semasa krisis ekonomi tahun 1997 sekalipun, misalnya, ia tidak mungkin ada sumber-sumber kewangan untuk membantu ekonomi-ekonomi yang dilanda krisis seperti Korea Selatan dan Indonesia.

Negara-negara lain tidak bersetuju.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jika AMF wujud ketika itu, Thailand, Indonesia dan Korea Selatan mungkin dapat diselamatkan daripada meminta pertolongan IMF.

Dr Nawrat selanjutnya berhujah bahawa Jepun, sebagai satu-satunya kuasa ekonomi rantau Asia, akan menjadi penyumbang tunggal kepada tabung tersebut, dengan demikian mengehendkan operasi pembiayaannya.

Tetapi, penentang-penentang AMF tidak menyedari hakikat bahawa ekonomi-ekonomi Asia boleh mengumpul dana melalui pinjaman daripada negara-negara anggota, atau melalui penggerakan dana dalam pasaran.

Dengan menggunakan kaedah-kaedah ini, Hajime Shinohara dari Institut Hal Ehwal Kewangan Antarabangsa Jepun berkata tahun lalu bahawa AMF boleh secara langsung atau tidak langsung menggerakkan lebih AS\$100 bilion (RM380 bilion).

Memandangkan keupayaan sedemikian untuk mengumpul dana, bantahan terhadap cadangan ekonomi-ekonomi serantau untuk menggembelng tenaga membantu diri mereka sendiri yang merupakan sesuatu yang munasabah, amatlah menjengkelkan, selain ia merupakan sesuatu yang hanya bersifat politik.

Namun begitu, Dr Nawrat berhujah bahawa daripada segi politik, Jepun serta negara-negara Asia yang lain berhak untuk membentuk tabung sedemikian.

"Tiada siapapun boleh melarang AMF, negara-negara ini mempunyai hak politik untuk menubuhkan AMF," katanya kepada sekumpulan pelawat yang terdiri daripada pengarang-pengaran Asia di sini, baru-baru ini.

Tetapi ini adalah jauh daripada meyakinkan, kerana seperti yang ternyata daripada pengalaman Perundingan Ekonomi Asia Timur yang dipelopori Malaysia dahulu, akan ada langkah-langkah untuk "membunuh"nya, malah sebelum ia mula menjadi kenyataan lagi.

Washington tidak langsung berselindung pada awal-awal lagi apabila ia mencela AMF dan menyifatkannya sebagai "berbahaya" dan merupakan gagasan yang "dahsyat".

Tetapi, walau apapun alasannya mereka merasa pesimis, Dr Nawrat, Jerman, EU dan Amerika Syarikat gagal atau enggan memahami kelemahan-kelemahan IMF sendiri dalam membantu ekonomi-ekonomi yang dilanda krisis.

Ahli ekonomi Amerika yang terkenal Jeffrey Sachs berkata semasa IMF

mengambil alih ekonomi-ekonomi yang tenat selepas krisis 1997, hasilnya juga adalah dahsyat.

Mereka yang menentang AMF sengaja mengetepikan hakikat yang nyata ini.

Kita mesti mempertimbangkan dengan serius prospek sebenar AMF memainkan peranan pelengkap kepada IMF, kerana sumber-sumber IMF juga terhad.

Juga, tanpa AMF, ekonomi-ekonomi Asia, khususnya dari Asia Timur akan terdesak untuk mempertahankan diri mereka sendiri daripada pengalaman buruk sekali lagi memandangkan kegagalan untuk merobah struktur kewangan antarabangsa dan dana-dana lindung nilai "gergasi" tidak bertanggungjawab yang masih wujud.

Dengan demikian, AMF merupakan satu alternatif yang praktikal dan perlu, bukannya pengganti kepada IMF.

Inilah sebabnya Malaysia amat komited untuk menyokong cadangan Jepun tentang penubuhan AMF sebagai satu kemudahan pembiayaan serantau.

Seperti kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa lawatan kerjanya ke Tokyo baru-baru ini:

"Pengajaran pahit daripada krisis ekonomi Asia mestilah merangsang kita untuk mencari cara-cara yang berkesan, terutamanya untuk mencegah bukan mengubati selepas tercetusnya krisis.

"Mesej jelas kepada ekonomi-ekonomi Asia ialah supaya melindungi diri mereka terlebih dahulu, kerana IMF ada benua-benua lain untuk dipertimbangkan, iaitu Afrika, Amerika Latin dan negara-negara seperti Rusia."

Rusia seharusnya menjadi satu contoh yang baik tentang bagaimana pakej menyelamatkan IMF selama hampir sepuluh tahun gagal, tetapi institusi tersebut tanpa segan silu mendakwa bahawa reformasi telah dilaksanakan di bekas Republik Soviet itu.

Pada peringkat ini, sokongan kukuh China terhadap AMF adalah penting untuk memacu tabung serantau yang dicadangkan itu selangkah lagi ke arah pelaksanaannya.

Barangkali, pemimpin-pemimpin Asia patut menggunakan Mesyuarat Asia-Eropah ketiga (Asem 3) di Seoul minggu depan sebagai peluang keemasan untuk memulakan usaha ke arah merasmikan AMF.

Walau apa kata orang lain, eloklah ekonomi-ekonomi Asia meneruskan usaha mewujudkan AMF dengan bersungguh-sungguh, kerana dalam satu-satu krisis, tiada lain yang lebih menenteramkan daripada mempunyai sahabat di sisi, yang bersedia untuk membantu tanpa mengharap balasan. -- BERNAMA

MR MFJ FR KY OS